

19 OCT 2002

Mahathir-Islam/I

UMAT ISLAM MESTI UNGGULI SAINS DAN MATEMATIK - DR MAHATHIR

Oleh: Zulkefli Salleh

RIYADH, 19 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara-negara Islam perlu melahirkan pekerja-pekerja yang berpendidikan tinggi dalam bidang sains dan matematik jika tidak mahu ketinggalan dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Perdana Menteri berkata ICT adalah kuasa yang memacu kemajuan ekonomi dalam era maklumat masa kini dan kedua-dua matapelajaran itu bukanlah perkara baru bagi umat Islam kerana orang Arab terlebih dahulu mengunggulinya pada masa lepas.

Beliau berkata umat Islam sebenarnya yang telah merintis sains moden tetapi pada peringkat tertentu, mereka membelakangkan Sains dan Matematik.

"Sejak itu, ketamadunan mereka semakin menurun dan sehingga hari ini, mereka adalah yang orang yang paling kurang berpendidikan dan paling kurang maju di dunia," katanya dalam ucap tama pada seminar mengenai Masa Depan Ekonomi Arab Saudi, di sini.

Dr Mahathir, yang dalam lawatan dua hari ke Arab Saudi, berkata: "Dengan mengabaikan matapelajaran yang penting ini, mereka sebenarnya telah menolak perintah Islam supaya mencari ilmu pengetahuan dan bersedia dengan kekuatan sewajarnya untuk melindungi diri mereka dan agama mereka."

Dr Mahathir berkata hakikatnya, masyarakat Islam masa kini tidak boleh mengetepikan Sains dan Matematik jika mereka mahu mengelak daripada menjadi lemah dan ditindas.

Keseluruhan sumber manusia di negara-negara Islam harus diberi pendidikan Sains dan Matematik yang sepenuhnya, kata beliau.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berkata masyarakat Islam juga tidak boleh mengetepikan golongan wanita jika mereka mahu memaksimumkan potensi produktiviti mereka.

"Masa depan Arab Saudi tidak terkecuali. Pakar-pakar bedah anda yang hebat telah membuktikan kepada dunia kemahiran mereka. Saya yakin Arab Saudi akan cemerlang dalam bidang IT pada masa depan jika ia bersedia untuk melahirkan sumber manusia yang diperlukan," kata beliau.

Beliau memuji kejayaan pasukan pakar bedah Arab Saudi diketuai oleh Dr Abdullah Al-Rabeeh yang berjaya memisahkan pasangan kembar Siam Malaysia, Ahmad dan Muhammad Rosli, 4, yang berkongsi beberapa organ termasuk usus dan hati.

Dr Mahathir juga kesal kerana adanya umat Islam yang menganggap bahawa menjadi moden dan maju bermakna tidak Islam, dengan mereka lupa tentang kesan permodenan Islam terhadap orang Arab Jahiliah.

Beliau berkata Islam akan dapat terus memodenkan dunia Islam dan menyebabkannya menjadi kuasa dunia jika pada peringkat tertentu, masyarakat Islam tidak melarikan diri daripada pemodenan demi mewujudkan dunia pada tahun-tahun awal Hijrah.

Malah, katanya ada sesetengah umat Islam percaya bahawa Islam hanya boleh berkembang maju semasa tahun-tahun awal Islam sahaja.

"Mereka ini percaya bahawa Islam bukannya untuk setiap masa. Akibatnya, mereka mengabaikan peranan pemodenan Islam dan menyebabkan mereka ketinggalan.

Dr Mahathir menegaskan bahawa pemodenan tidak semestinya membawa kepada ateisme (tidak percayakan Tuhan) atau tiada Tuhan seperti yang berlaku di Barat sebaliknya pemodenan Islam dapat mencapai keseimbangan antara dunia dan akhirat seperti yang sering didoakan oleh umat Islam.

--BERNAMA

ZS LES NAK